

09 JUN 1997

Halim-Tanah

PAKAR DUNIA REKABENTUK "WETLANDS SANCTUARY"

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Rekabentuk "Malaysia Wetlands Sanctuary", kawasan perlindungan tanah lembap negara, dijangka siap Ogos ini dan pembukaan projek berjuta-juta ringgit itu dijadualkan pada September tahun depan.

Seramai 52 pakar dunia termasuk Malaysia akan terlibat dalam merekabentuk projek itu, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, hari ini.

Beliau memberitahu pemberita di sini bahawa rekabentuk itu bukan sahaja memastikan kawasan tanah lembap itu dibaikpulih tetapi juga mengekalkan flora dan faunanya.

"Adalah diharapkan kawasan perlindungan itu juga akan menjadi tempat tarikan pelancongan dan mengadakan latihan dan pendidikan terutamanya dalam pemuliharaan tanah lembap," katanya selepas menyampaikan ucapan dasar pada satu bengkel untuk memulakan fasa merekabentuk projek itu.

Rekabentuk itu dijangka dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga penaung Yayasan Tanah Lembap Malaysia (MWF).

MWF bertanggungjawab menjalankan dan menguruskan projek yang bertujuan memulihara dan mengekalkan pelbagai sumber biologiikal di kawasan kira-kira seluas 5,000 hektar itu di Kuala Langat.

Pakar-pakar dunia yang terlibat dengan fasa permulaan projek itu, yang mengambil masa sembilan minggu mulai hari ini, termasuk mereka daripada Wetlands International, Amerika Syarikat, Australia dan Eropah.

Rekabentuk projek itu akan merangkumi empat kawasan tematik -- alam semulajadi, persekitaran pembangunan, pendidikan dan perniagaan.

Beberapa institusi telah memberi perakuan atau sumbangan untuk membiayai projek itu dan Tabung Alam Sekitar Sejangat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (GEF) memperuntukkan AS\$17 juta (RM42.5 juta) untuk projek itu.

Abdul Halim, yang juga Pengerusi MWF, berkata projek itu juga akan mematuhi standard pengurusan alam sekitar ISO 14000 sebagai panduan.

Projek itu melingkungi ekosistem yang luas termasuk tanah lombong terbiar, hutan paya gambut, tasik dan hutan kekal paya gambut Kuala Langat.

Kemudahan yang disediakan untuk kawasan perlindungan itu termasuk pusat pelawat, muzium lombong bijih timah, pusat kanak-kanak dan pusat demonstrasi rawatan akuakultur dan air kumbahan, katanya.

Abdul Halim berkata projek itu, yang terletak dalam kawasan Koridor Raya Multimedia, akan menggabungkan penggunaan maklumat dan teknologi pengurusan alam sekitar terkini.

MSC, zon seluas 750 kilometer padu yang khusus untuk produk dan perkhidmatan multimedia, juga menempatkan Cyberjaya, bandaraya pintar pertama di dunia.

Kerajaan negeri Selangor, yang memberi sokongan penuh kepada cadangan mewujudkan kawasan perlindungan tanah lembap itu, antara lain telah mengharamkan aktiviti perlombongan pasir di kawasan itu sebelum mewartakannya untuk projek itu. -- BERNAMA

NHD NAK